

MINIT MESYUARAT
MALAYSIAN ONLINE E-RESOURCES CONSORTIUM (MOLEC)
BIL 1/2015

Tarikh : 21 September 2015 (Isnin) x
Masa : 9.00 Pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat
Tingkat 3, Pusat Khidmat Maklumat Akademik
Universiti Malaysia Sarawak

HADIR

Puan Margaret Simeng
Universiti Malaysia Sarawak
- Pengerusi

Puan Zainun Mat Nor
Universiti Malaysia Sarawak
- Setiausaha

Dr. Nor Edzan Haji Che Nasir
Universiti Malaya

Puan Hajah Faridah Hj. Md Amin
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hajah Sharifah Abdullah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Cik Sutarmi Kasimun
Universiti Malaya

Encik Mohd Nasir Bin Md Rashid
Universiti Sains Malaysia

Encik Zawawi Tiyunin
Universiti Malaysia Sabah

Puan Khasiah Zakaria
Universiti Teknologi MARA

Puan Haslina Othman
Universiti Teknologi Malaysia

Puan Sukmawati Muhammad
Universiti Sains Malaysia

Puan Hasma binti Haji Harun
Universiti Utara Malaysia

Puan Ku Safina Ku Ismail
Universiti Utara Malaysia

Puan Sarawati Sulong
Universiti Malaysia Terengganu

Encik Azraai Abidin
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Puan Azura Adnan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Puan Norhaslini Abd Alim
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Puan Azlinda Abdul Rahim
Open University Malaysia

Puan Emeliza Md Lani
Universiti Kuala Lumpur

Puan Hejilda Hendrick
Universiti Malaysia Sarawak

TIDAK HADIR DENGAN KENYATAAN

Hajjah Nafisah Ahmad
Perpustakaan Negara Malaysia

Puan Azizah Zainal Abidin
Universiti Putra Malaysia

Puan Roziana Shamsuri
Universiti Putra Malaysia

Encik Shamsudin Ibrahim
Universiti Kebangsaan Malaysia

Cik Noraini Mat Ali
Perpustakaan- Perpustakaan HCTM, PPUKM
Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Nurul Faribah Sarmin Panut
Universiti Teknologi Mara

Encik Yusrul Hisham Mohd Yusof
Universiti Teknologi Malaysia

Puan Azlina Othman
Universiti Sains Islam Malaysia

Encik Mohd Nor Bin Ahmad
Universiti Utara Malaysia

Encik Hassan Che Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Puan Sofiah Khalid
Universiti Sultan Zainal Abidin

Encik Din Bin Sulong
Universiti Sultan Zainal Abidin

Puan Noor Azura Omar
Universiti Malaysia Pahang

Encik Zaidi Saad
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Puan Siti Khabshah Masrom
Multimedia University

Puan Mazmin Mat Akhir
Universiti Malaysia Perlis

Puan Hasdarinar Abdul Jalal
Universiti Malaysia Perlis

Puan Norazlynne Mohd. Johan @ Jacklyne
Universiti Malaysia Sabah

Encik Hairuladzhar Mohd Hamdi
Universiti Malaysia Kelantan

Encik Muhammad Shukri Yaakub
Multimedia University

Encik Mohd Nizam Mahat
Universiti Tenaga Nasional

Puan Norashikin Binti Mohamed Tahir
Universiti Tenaga Nasional

Puan Kamaliah Mohamad
Universiti Teknologi Petronas

Puan Rohayah Maliki
Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian
Malaysia (MARDI)

Puan Nurul Sazrina Mohd Shukor
Malaysia Productivity Corporation (MPC)

Encik Nasaruddin Ahmad
Agenzi Nuklear Malaysia

Encik Mohammed Ariff Ahmad
Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Puan Saniah Hj Armia
Institut Kefahaman Islam Malaysia

Puan Normah Mohamad Idzhar
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi

Puan Mastura Buang
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

1. Aluan Pengerusi

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan oleh Dr. Nor Edzan Haji Che Nasir, Ketua Pustakawan Universiti Malaya selaku mantan Pengerusi MOLEC serta pengumuman perlantikan Puan Margaret Simeng, Ketua Pustakawan UNIMAS sebagai Pengerusi MOLEC yang baharu. Ini diikuti dengan penyerahan Fail MOLEC sebagai simbolik penyerahan tugas. Mesyuarat diteruskan oleh Puan Margaret Simeng, selaku Pengerusi yang baharu dengan ucapan selamat datang kepada semua ahli yang hadir. Pengerusi seterusnya marakamkan penghargaan kepada Dr. Nor Edzan Haji Che Nasir, mantan Pengerusi serta Cik Sutarmi Kasimun, mantan Setiausaha MOLEC atas inisiatif dan sumbangan kepada kemerlangan konsortium. Ucapan penghargaan juga dirakamkan kepada mantan ahli-ahli yang telah bertukar Bahagian/Unit serta Puan Zaharah Mohd Nor dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang bersara pilihan atas sumbangan sepanjang tempoh menjadi ahli MOLEC.

		Perkara	Maklumat/Keputusan/Tindakan	
2.	Mengesahkan Minit Mesyuarat			
	2.1	Minit Mesyuarat MOLEC Bil. 1/2014 bertarikh 5 September 2014	2.1.1	Mesyuarat mengambil maklum bahawa minit mesyuarat MOLEC Bil. 1/2014 telah disahkan dalam Mesyuarat PERPUN Bil. 1/2015 pada 6 Julai 2015, di Perpustakaan Negara Malaysia. Maklumat
3.	Perkara-Perkara Berbangkit			
	3.1	44.1 ms 5 Minit 40.3 Penubuhan dan Pengaktifan Semula Jawatankuasa Kerja Mengkaji Lesen Perjanjian	3.1.1	Mesyuarat mengambil maklum bahawa senarai semak lesen perjanjian telah diedarkan kepada semua ahli untuk dibuat kesesuaian berdasarkan saranan Penasihat Undang-Undang Universiti masing-masing. Maklumat
	3.2	40.4 ms 5 Minit 36.6 Keberkesanan Model Pay Per View	3.2.1	Mesyuarat mengambil maklum bahawa Bengkel Perolehan Sumber Maklumat Elektronik : Model <i>Pay Per View</i> (PPV) telah dijalankan pada 11-12 Mei 2015, di Hotel Puri Pujangga UKM Bangi dengan kehadiran oleh 46 peserta dari 25 institusi. Maklumat
4.	Terma Rujukan Malaysian Online E-Resources Consortium (MOLEC)			
	4.1	Terma Rujukan Malaysian Online E- Resources Consortium (MOLEC)	4.1.1	Mesyuarat mengambil maklum mengenai terma rujukan MOLEC yang sedia ada dan seterusnya bersetuju untuk menyemak semula objektif serta fungsi konsortium dengan mengambil kira perubahan semasa bidang perpustakaan dan prasarana maklumat. Maklumat

			<p>4.1.2 Mesyuarat juga bersetuju untuk menubuhkan Pasukan Petugas Pemantapan Terma Rujukan MOLEC dan melantik Puan Hajah Faridah Hajji Mohd Amin, Ketua Pustakawan UTeM sebagai fasilitator.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p> <p>4.1.3 Mesyuarat seterusnya bersetuju supaya semakan dan pemantapan terma rujukan dilaksanakan dalam bengkel sempena mesyuarat MOLEC yang akan dihoskan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS), di Kota Kinabalu pada Januari 2016.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan: Pengerusi ; Ketua Pustakawan UTeM dan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan UMS</p> <p>4.1.4 Mesyuarat memohon supaya semua ahli menyemak dan memaklumkan perubahan terkini keahlian kepada sekretariat untuk tindakan selanjutnya.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Semua Ahli</p> <p>4.1.5 Mesyuarat juga bersetuju untuk menjemput wakil daripada Pusat Sitasi Malaysia (PSM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk menjadi ahli MOLEC</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Pengerusi</p>
5.	Langganan Sumber Elektronik Di bawah Konsortium		
5.1	Langganan Sumber Elektronik Di bawah Konsortium	<p>5.1.1 Mesyuarat mengambil maklum mengenai senarai langganan oleh ahli dan seterusnya bersetuju supaya maklumat dikemaskini dengan mengambil kira semua langganan aktif 2015 dan cadangan pembaharuan serta pembatalan bagi tahun 2016. Sehubungan ini, semua ahli diminta untuk memajukan maklumat terkini sebelum atau pada 6 Oktober 2015 untuk tindakan selanjutnya.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Semua Ahli</p> <p>5.1.2 Mesyuarat bersetuju untuk menubuhkan Pasukan Petugas Perundingan Harga Konsortium bagi menguruskan rundingan harga langganan sumber-sumber elektronik yang dilanggan oleh sekurang-kurangnya oleh lima ahli konsortium. Ini adalah selaras dengan syarat yang memerlukan minima lima ahli melanggan kepada satu-satu pangkalan data bagi mendapatkan harga konsortium.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Pengerusi</p>	

			<p>5.1.3 Mesyuarat juga bersetuju supaya ketua Pasukan Petugas Perundingan Harga Konsortium dilantik dalam kalangan ahli yang melanggar sumber ilmu yang terlibat bagi memastikan urusan perundingan harga yang lebih berkesan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Pengerusi</p> <p>5.1.4 Mesyuarat seterusnya bersetuju supaya hasil rundingan dibentangkan dalam Mesyuarat MOLEC untuk kelulusan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Ketua Pasukan Petugas Perundingan Harga Pangkalan Data Yang Berkaitan</p> <p>5.1.5 Semua ahli diminta supaya mematuhi pekeliling yang berkuatkuasa dalam menguruskan langganan, samada yang baharu maupun pembaharuan.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p> <p>5.1.6 Mesyuarat mengingatkan ahli supaya memastikan sumber elektronik yang hendak dilanggarnya mempunyai <i>archive</i> yang boleh diakses apabila berlaku penamatian langganan. Sehubungan itu, bagi memelihara kepentingan semua ahli MOLEC, Mesyuarat bersetuju menubuhkan Pasukan Petugas <i>National Archiving</i> bertujuan untuk melihat kepada keperluan <i>archiving</i> semua sumber elektronik yang dilanggarnya.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p> <p>5.1.7 Mesyuarat juga bersetuju untuk melantik Puan Mazmin Mat Akhir, Ketua Pustakawan UniMAP untuk mengetuai pasukan petugas tersebut dan seterusnya menyarankan supaya satu garis panduan <i>national archiving</i> dibincang dan digubal dalam bengkel sempena Mesyuarat MOLEC pada bulan Januari nanti.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Pengerusi ; Ketua Pustakawan UniMAP dan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan UMS</p>
6. Langganan Sumber Elektronik Oleh KPM Untuk 20 Universiti Awam			
	6.1	Langganan Sumber Elektronik Oleh KPM untuk 20 Universiti Awam	<p>6.1.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa langganan kepada Scopus, Scival Spotlight, WoS dan InCites, EBSO, BLIS serta ProQuest adalah dalam proses perolehan oleh pihak PSM.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

			6.1.2	Mesyuarat bersetuju supaya perkara ini dibincangkan di peringkat Majlis Ketua Pustakawan.
			Makluman	
7	Hal-Hal Lain			
	7.1	Akses Percubaan Kepada Pangkalan Data E-Marefa	7.1.1	Mesyuarat mengambil maklum bahawa permohonan akses percubaan kepada pangkalan data tersebut sedang diuruskan. Ahli juga dipohon untuk membuat perbandingan dengan pangkalan data <i>Al Manhal</i> yang ditawarkan oleh pihak Access Dunia. Tindakan: Semua Ahli
	7.2	Penetapan Tarikh Tentatif Mesyuarat MOLEC Yang Seterusnya	7.2.1	Mesyuarat bersetuju menetapkan tarikh tentatif Mesyuarat MOLEC yang akan datang, iaitu seperti berikut: a. Bil. 2/2015 pada 24 November 2015 bertempat di UNIMAS b. Bil. 1/2016 pada bulan Januari 2016 di Kota Kinabalu, Sabah dan dihoskan oleh UMS c. Bil. 2/2016 pada bulan Mei 2016 di UniMAP dan dihoskan oleh UniMAP d. Bil. 3/2016 pada bulan Oktober 2016 di UTM, Johor dan dihoskan oleh UTM Tindakan : Pengerusi
	7.3	Demo Buku Elektronik <i>World Scientific</i> dan <i>Walter de Gruyter</i> oleh Aresh Education-Trading	7.3.1	Mesyuarat bersetuju untuk memohon akses percubaan kepada buku-buku elektronik yang berkenaan untuk penilaian. Tindakan : Pengerusi

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari dengan ucapan terima kasih oleh Pengerusi.

Disediakan oleh:


Puan Zainun Mat Nor
Setiausaha
Tarikh : 24/11/15

Disahkan oleh:


Puan Margaret Simeng
Pengerusi
Tarikh :